



PENYATA KEWANGAN AGANSI NEGERI PERAK

STATUS PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN
AGENSI NEGERI TAHUN 2022

26
AGENSI NEGERI

11 Badan Berkanun Negeri

15 Pihak Berkuasa Tempatan

PENSIJILAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI

	2022	2021
Pendapat Tanpa Teguran (Unmodified Opinion)	21	15
Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion)	5	11

STATUS PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN
AGENSI NEGERI TAHUN 2023

17 AGENSI	7 AGENSI	2 AGENSI
SEBELUM 30 APRIL	SELEPAS 30 APRIL	BELUM TERIMA

PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

**MPSAS
21**

*Malaysian Public Sector
Accounting Standards*

**MFRS
2**

*Malaysian Financial
Reporting Standards*

**MPERS
3**

*Malaysian Private Entities
Reporting Standard*

ANALISIS PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2022

	[PBT]	[BBN]
Lebih Semasa	5 Agensi RM42.88 juta	8 Agensi RM117.64 juta
Kurangan Semasa	10 Agensi RM22.75 juta	3 Agensi RM1.08 juta
Jumlah Aset	15 Agensi RM7.056 bilion	11 Agensi RM6.353 bilion
Jumlah Liabiliti	15 Agensi RM456.44 juta	11 Agensi RM1.628 bilion

Nota: Analisis adalah berdasarkan penyata kewangan beraudit tahun 2022.

Pelaburan	4 Agensi Negeri	Syarikat Subsidiari, Syarikat Bersekutu, Lain-lain Pelaburan	RM994.26 juta (Nilai Pelaburan)
------------------	-----------------	--	------------------------------------

PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI PERAK TAHUN 2022

20 Penyata Kewangan telah dibentang pada **1 Disember 2023, 26 Februari dan 9 Julai 2024**

FOKUS UTAMA AUDIT (KEY AUDIT AREA)

PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN NEGERI



PRESTASI KEWANGAN



KEDUDUKAN KEWANGAN



PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI PERAK

1. PENDAHULUAN

1.1. Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

1.2. Pada tahun 2023, Jabatan Audit Negara dikehendaki mengaudit 26 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun 2022. Penyata kewangan agensi negeri bagi tahun 2022 terdiri daripada 11 BBN dan 15 PBT. BBN ditubuhkan mengikut Akta Tubuh Badan Berkanun Negeri dan Enakmen Badan-badan Berkanun (Peruntukan-peruntukan Tambahan) 1997. PBT ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*].

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata kewangan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan berkenaan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi Penyata Kewangan Agensi Negeri tahun 2022 yang dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2023. Pengauditan ini telah dilaksanakan berdasarkan piawaian pengauditan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan.

4. PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

4.1. Kesemua agensi perlu mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan, iaitu sebelum atau pada 30 April 2023. Sekiranya penyata kewangan tidak dapat diserahkan pada tarikh yang ditetapkan, agensi hendaklah mengemukakan

permohonan pelanjutan tempoh kepada Pegawai Kewangan Negeri. Setakat 31 Disember 2023, 26 agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 untuk diaudit. Daripada 26 agensi tersebut, hanya 15 agensi dapat mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan. Sebanyak 11 agensi iaitu empat BBN dan tujuh PBT telah mengemukakan penyata kewangan selepas tamat tempoh yang ditetapkan. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN
BADAN BERKANUN NEGERI DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Kumpulan Wang Biasiswa Bukan Melayu Perak	19.04.2023
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak	26.04.2023
3.	Lembaga Muzium Negeri Perak	28.04.2023
4.	Perbadanan Taman Negeri Perak	28.04.2023
5.	Majlis Sukan Negeri Perak	28.04.2023
6.	Lembaga Air Perak	28.04.2023
7.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak	28.04.2023
8.	Yayasan Perak	05.05.2023
9.	Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Melayu Perak	19.05.2023
10.	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak	27.07.2023
11.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	26.10.2023
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Daerah Tapah	26.04.2023
2.	Majlis Daerah Tanjong Malim	27.04.2023
3.	Majlis Bandaraya Ipoh	28.04.2023
4.	Majlis Daerah Batu Gajah	28.04.2023
5.	Majlis Daerah Kerian	28.04.2023
6.	Majlis Daerah Perak Tengah	28.04.2023
7.	Majlis Daerah Selama	28.04.2023
8.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	28.04.2023
9.	Majlis Daerah Kampar	03.05.2023
10.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	12.05.2023
11.	Majlis Perbandaran Manjung	16.05.2023
12.	Majlis Perbandaran Taiping	29.05.2023
13.	Majlis Daerah Lenggong	29.05.2023
14.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	28.06.2023
15.	Majlis Daerah Gerik	30.06.2023

Sumber: Jabatan Audit Negara

4.2. Bagi penyata kewangan tahun 2023, sebanyak 24 agensi telah mengemukakan penyata kewangan kepada Jabatan Audit Negara setakat 20 Ogos 2024. Daripada jumlah tersebut, 17 agensi iaitu tujuh BBN dan 10 PBT dapat mengemukakan penyata kewangan

dalam tempoh yang ditetapkan. Manakala tujuh agensi telah mengemukakan penyata kewangan selepas tamat tempoh yang ditetapkan. Penyata kewangan bagi dua BBN pula masih belum diterima.

5. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

5.1. Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia atau Malaysian Accounting Standards Board (MASB) merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Badan Berkanun Persekutuan seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PA 3.2. Setakat 1 Januari 2017, piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB untuk diterima pakai di Malaysia adalah Financial Reporting Standards (FRS)/Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) dan Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS). Pemakaian MFRS adalah tertakluk kepada undang-undang seliaan Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

5.2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pula telah mengeluarkan Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) melalui proses tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam Ministerial Function Acts 1969. Salah satu fungsi JANM adalah menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN
OLEH AGENSI BAGI TAHUN KEWANGAN 2023

BIL.	PIAWAIAN PERAKAUNAN	BIL. AGENSI
1.	Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS)	3
2.	Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)	2
3.	Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)	21
JUMLAH		26

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

6. PENSIJILAN PENYATA KEWANGAN

6.1. Ketua Audit Negara mengesahkan Penyata Kewangan Agensi Negeri tahun 2022 dengan memberikan pendapat yang dinyatakan dalam Sijil Ketua Audit Negara. Secara umumnya, ISSAI menetapkan Pendapat Audit boleh dikategorikan kepada dua, iaitu Pendapat Tanpa Teguran (Unmodified Opinion) dan Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion).

6.2. Pendapat Tanpa Teguran (Unmodified Opinion) diberikan apabila Ketua Audit Negara berpandangan bahawa penyata kewangan yang disediakan memberi gambaran yang benar dan saksama serta penyediaannya adalah selaras dengan piawaian perakaunan.

6.3. Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) diberikan apabila berlaku salah nyata material yang menyebabkan penyata kewangan tidak menunjukkan gambaran yang benar dan saksama. Perkara ini berlaku disebabkan penyediaan penyata kewangan tidak mengikut piawaian perakaunan atau ketiadaan dokumen sokongan yang membolehkan semakan dibuat terhadap penyata kewangan tersebut. Terdapat tiga kategori Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) yang boleh dikeluarkan iaitu Pendapat Berteguran, Pendapat Bertentangan dan Penafian Pendapat. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
PENDAPAT AUDIT DALAM SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

PENDAPAT AUDIT	PENJELASAN
Pendapat Tanpa Teguran (Unmodified Opinion)	
Pendapat Tanpa Teguran	Penyata kewangan memberi gambaran yang benar dan saksama. Penyediaan penyata kewangan adalah selaras dengan piawaian perakaunan.
Pendapat Tanpa Teguran dengan Perenggan Penegasan Perkara	Penyata kewangan memberi gambaran yang benar dan saksama. Bagaimanapun, terdapat perkara penting berkaitan penyata kewangan yang perlu dilaporkan untuk kefahaman pengguna.
Hal-hal Lain	Perkara lain berkaitan tatakelola dan tadbir urus yang penting.
Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion)	
Pendapat Berteguran	Penyata kewangan mempunyai salah nyata yang material tetapi tidak menyeluruh. Penyediaan sebahagian penyata kewangan tidak selaras dengan piawaian perakaunan.
Pendapat Bertentangan	Penyata kewangan mempunyai salah nyata yang material dan menyeluruh. Penyediaan penyata kewangan tidak selaras dengan piawaian perakaunan.
Penafian Pendapat	Penyata kewangan tidak disokong dengan bukti yang mencukupi menyebabkan berlaku ketidakpastian yang material dan menyeluruh.

Sumber: Jabatan Audit Negara

6.4. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Agensi Negeri Bagi Tahun 2022

6.4.1. Setakat 20 Ogos 2024, kesemua penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 telah selesai diaudit dan disahkan. Sebanyak 21 penyata kewangan telah diberi Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran (Unmodified Opinion) dan lima Penyata Kewangan diberi Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion). Butiran adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
KEDUDUKAN PENDAPAT AUDIT YANG DIBERIKAN BAGI
PENYATA KEWANGAN AGENSI DARI TAHUN 2021 DAN 2022

BIL.	JENIS PENDAPAT AUDIT	2021	2022
Pendapat Tanpa Teguran (Unmodified Opinion)			
1.	Tanpa Teguran	7	10
2.	Perenggan Penegasan Perkara dan Hal-hal Lain	1	2
3.	Perenggan Penegasan Perkara	0	3
4.	Hal-hal Lain	7	6
JUMLAH (a)		15	21
Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion)			
5.	Pendapat Berteguran	11	5
JUMLAH (b)		11	5
JUMLAH KESELURUHAN (a + b)		26	26

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Agensi Tahun 2021 dan 2022

6.4.2. Sebanyak tiga agensi negeri diberikan Sijil Ketua Audit Negara Tanpa Teguran dengan perenggan Penegasan Perkara dan dua agensi pula dengan perenggan Penegasan Perkara dan Hal-hal Lain bagi isu berkaitan pergerakan aliran tunai dalam aktiviti pelaburan, pergerakan baki geran tertunda dan tiada maklumat terperinci bagi pelbagai pemiutang. Sebanyak enam agensi negeri diberikan perenggan Hal-hal Lain dalam Sijil Ketua Audit Negara bagi perkara berkaitan kelemahan pengurusan pembayaran, kawalan dalaman serta pengurusan aset dan inventori. Perenggan ini bertujuan membolehkan agensi negeri menambah baik tatakelola pengurusan kewangan agar ia teratur, mematuhi undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa.

6.4.3. Sebanyak lima agensi negeri diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Diubahsuai adalah seperti dalam **Jadual 5**.


JADUAL 5
AGENSI NEGERI YANG DIBERI PENDAPAT DIUBAHSUAI
BAGI PENYATA KEWANGAN 2022

BIL.	AGENSI NEGERI
1.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar
2.	Majlis Daerah Kampar
3.	Majlis Daerah Kerian
4.	Yayasan Perak
5.	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun Kewangan 2022

6.4.4. Perkara yang dilaporkan dalam Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) bagi lima agensi adalah seperti dalam **Carta 1**.

CARTA 1
PERKARA YANG DILAPORKAN DALAM PENDAPAT DIUBAHSUAI BAGI
PENYATA KEWANGAN TAHUN 2022



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Tahun 2022

6.4.5. Analisis selanjutnya mendapati dua agensi negeri telah diberikan Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) bagi tiga tahun berturut-turut iaitu bagi tempoh 2020 hingga 2022. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PENDAPAT DIUBAHSUAI DIBERIKAN BAGI TEMPOH 2020 HINGGA 2022

BIL.	AGENSI	PENDAPAT		
		2020	2021	2022
1.	Yayasan Perak	Berteguran	Berteguran	Berteguran
2.	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak	Berteguran	Berteguran	Berteguran

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Agensi Tahun 2020 hingga 2022

6.4.6. Penerangan lanjut berkenaan dua Agensi Negeri yang diberikan Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) adalah seperti berikut:

6.4.6.1. Yayasan Perak

- a. Yayasan Perak (YP) ditubuhkan di bawah Enakmen Yayasan Perak 1994. Kegiatan utama YP adalah dalam pengurusan program-program pendidikan termasuk bantuan pendidikan, aktiviti sukan dan rekreasi, kebajikan masyarakat serta kesenian dan kebudayaan negeri Perak.

- b. Isu penyata kewangan yang dilaporkan dalam Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) adalah berkaitan kesilapan perekodan dan pengiktirafan item dalam penyata kewangan yang berulang dalam penyata kewangan. Perkara ini berlaku disebabkan oleh kelemahan dalam pengurusan kewangan dan akaun. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
ISU YANG DILAPORKAN TERHADAP
PENYATA KEWANGAN YAYASAN PERAK BAGI TEMPOH 2020 HINGGA 2022

TAHUN/JENIS PENDAPAT	ISU PENYATA KEWANGAN	TINDAKAN AGENSI
2020 / Berteguran	i. Baki hartanah, loji dan peralatan adalah termasuk perbelanjaan ubah suai pejabat di premis bukan milikan Yayasan Perak pada tahun 2019 sejumlah RM101,642. ii. Kos tanah dipegang untuk pembangunan yang masih wujud telah dihapus kira menyebabkan berkurang nyata sejumlah RM121,490. iii. Simpanan Tetap berkurang nyata sejumlah RM224,630 disebabkan keuntungan simpanan tetap tidak dipermodalkan. iv. Pelunasan Geran Pembangunan Sosial tahun 2020 terlebih nyata sejumlah RM151,800 dan terimaan sewaan kolam udang tahun 2021 sejumlah RM75,949.	• YP memaklumkan latihan berkaitan pengurusan kewangan dan perakaunan kepada pegawai yang terlibat dilaksanakan secara berterusan.
2021 / Berteguran	i. Belanja yuran pengurusan direkodkan sebagai Pelbagai Penghutang sejumlah RM2.01 juta. ii. Geran Kerajaan Tertunda dan Pelbagai Penghutang berkurang nyata masing-masing sejumlah RM1.67 juta.	• YP juga akan memastikan setiap isu yang dibangkitkan di dalam sijil diselesaikan dan tidak berulang pada tahun berikutnya.
2022 / Berteguran	i. Hasil tahun terdahulu telah berkurang nyata dan deposit terlebih nyata masing-masing sejumlah RM3.50 juta dan RM314,526. ii. Perbezaan amaun baki geran tabung Kumpulan Wang Yayasan Perak dan baki di bank berjumlah RM752,237 dalam Geran Kerajaan Tertunda tidak dapat disahkan. iii. Amaun Geran Kerajaan Tertunda sejumlah RM230,440 dan Akaun Amanah Khas sejumlah RM32,843 berkurang catat disebabkan terlebih lunas pada tahun terdahulu. iv. Hasil jualan pasir dan pelbagai penghutang berkurang nyata masing-masing sejumlah RM310,800.	

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Agensi Tahun 2020 hingga 2022

6.4.6.2. Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak

- a. Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PPNPk) telah ditubuhkan pada Februari 1973 di bawah Enakmen Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak bil. 2 tahun 1973 (asal), pin.9 (1974) dan pin. bil 7 (1981) dan mula beroperasi pada tahun 1974. Tujuan utama penubuhan PPPNPk adalah mewujudkan perusahaan dan pembangunan pertanian dengan cara membuka ladang secara besar-besaran; dan menjadi badan perniagaan, perusahaan dan pembangunan pertanian hendaklah dijalankan untuk menjamin negeri dapat bekalan bahan-bahan makanan yang mencukupi.
- b. Isu penyata kewangan yang dilaporkan dalam Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) adalah berkaitan kesilapan perekodan dan pengiktirafan item dalam penyata kewangan yang berulang dalam penyata kewangan. Perkara ini berlaku disebabkan oleh kelemahan tahap kompetensi pegawai yang terlibat

dengan kewangan dan akaun serta pemantauan pihak pengurusan. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
ISU YANG DILAPORKAN TERHADAP PENYATA KEWANGAN PERBADANAN
PEMBANGUNAN PERTANIAN NEGERI PERAK BAGI TEMPOH 2020 HINGGA 2022

TAHUN/JENIS PENDAPAT	ISU PENYATA KEWANGAN	TINDAKAN AGENSI
2020 / Berteguran	i. Pendapatan komprehensif tahun semasa terkurang nyata sejumlah RM34.90 juta disebabkan peningkatan nilai pasaran dalam saham tersiar harga tidak direkodkan. ii. Jumlah keuntungan terkumpul yang dinyatakan di Penyata Kedudukan Kewangan ialah RM739.46 juta, manakala jumlah keuntungan terkumpul yang dinyatakan di Penyata Perubahan Ekuiti ialah RM737.91 juta. Perkara ini menyebabkan perbezaan sejumlah RM1.55 juta tidak diselaraskan. iii. Tanah yang menjana pendapatan sewaan sejumlah RM2.80 juta dan pajakan sejumlah RM6.80 juta tidak direkodkan sebagai Pelaburan Hartanah.	• PPPNPk telah melantik perunding luar bagi membantu menyelesaikan isu berkaitan Ladang Untuk Rakyat.
2021 / Berteguran	i. Pelbagai penghutang berbaki kredit sejumlah RM8.29 juta. Pelbagai pemiutang berbaki debit sejumlah RM3.79 juta. ii. Pendapatan dan kos jualan telah diimbangi menyebabkan pendapatan dan kos jualan terkurang nyata sejumlah RM4.41 juta. iii. Hartanah, loji dan peralatan terkurang nyata sejumlah RM4.60 juta, pelbagai penghutang terlebih nyata sejumlah RM4.90 juta dan belanja pentadbiran sejumlah RM0.30 juta. iv. Sebahagian amaun Tanaman penghasil Ladang Untuk Rakyat sejumlah RM126.92 juta tidak dipindahkan kepada pelbagai penghutang, pelbagai pendapatan, pelbagai perbelanjaan atau lebihan terkumpul bagi bahagian peserta. v. Tanah milik kekal dan pajakan tidak dibuat penilaian semula selaras dengan polisi yang ditetapkan. vi. Transaksi sejumlah RM11.40 juta dalam penyatuan akaun kumpulan tidak asas dan tujuan ia dibuat. vii. Tiada kelulusan bagi pinjaman tambahan Program Pinjaman Usahawan.	• Cadangan yang diberi akan dibawa kepada Jawatankuasa Audit, Akaun, Risiko & Integriti (IRAAC) untuk perbincangan dan mendapat kelulusan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak. • PPPNPk juga akan memastikan setiap isu yang dibangkitkan di dalam sivil diselesaikan dan tidak berulang.
2022 / Berteguran	i. Sebahagian amaun Tanaman penghasil Ladang Untuk Rakyat sejumlah RM40.25 juta tidak dipindahkan kepada pelbagai penghutang, pelbagai pendapatan, pelbagai perbelanjaan atau lebihan terkumpul bagi bahagian peserta. ii. Bayaran penyertaan peserta Ladang Untuk Rakyat sejumlah RM28.72 juta tidak dipindahkan kepada pendapatan pajakan, pelaburan diterima atau dilaraskan dengan kos tanaman penghasil.	

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Agensi Tahun 2020 hingga 2022

6.5. Bagi penyata kewangan tahun 2023, daripada 24 agensi yang telah mengemukakan penyata kewangan kepada Jabatan Audit Negara, sebanyak enam agensi masih dalam proses pengauditan dan sebanyak 16 agensi masih dalam proses pensijilan. Manakala dua agensi telah selesai dan disahkan.

7. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

7.1. Akta Badan Berkanun 1980 dan Enakmen penubuhan BBN telah menetapkan bahawa penyata kewangan agensi yang telah diaudit berserta Sijil Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Mengikut Akta Kerajaan

Tempatan 1976 [*Akta 171*], satu salinan penyata kewangan dan Sijil Ketua Audit Negara terhadap penyata kewangan PBT dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan seterusnya dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

7.2. Sebanyak 20 agensi telah membentangkan penyata kewangan tahun 2022 yang telah disahkan di Dewan Undangan Negeri pada 1 Disember 2023, 26 Februari dan 9 Julai 2024. Tiga penyata kewangan tahun 2022 yang telah disahkan iaitu Majlis Sukan Negeri Perak, Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Melayu Perak dan Kumpulan Wang Biasiswa Bukan Melayu Perak tidak perlu dibentang di Dewan Undangan Negeri selaras dengan Enakmen/Akta Tubuh agensi. Sebanyak tiga agensi iaitu Lembaga Air Perak, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Lembaga Muzium Negeri Perak masih belum membentangkan penyata kewangan 2022 di Dewan Undangan Negeri. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
PENYATA KEWANGAN TAHUN 2022 YANG TELAH
DIBENTANGKAN DI DEWAN UNDANGAN NEGERI SETAKAT 20 OGOS 2024

BIL.	AGENSI	TARIKH PEMBENTANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Perbadanan Taman Negeri Perak	01.12.2023
2.	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak	26.02.2024
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak	26.02.2024
4.	Yayasan Perak	26.02.2024
5.	Lembaga Perumahan Dan Hartanah Perak	26.02.2024
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
6.	Majlis Daerah Tapah	09.07.2024
7.	Majlis Daerah Tanjong Malim	09.07.2024
8.	Majlis Daerah Kerian	09.07.2024
9.	Majlis Daerah Perak Tengah	09.07.2024
10.	Majlis Daerah Selama	09.07.2024
11.	Majlis Daerah Kampar	09.07.2024
12.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	09.07.2024
13.	Majlis Perbandaran Taiping	09.07.2024
14.	Majlis Daerah Lenggong	09.07.2024
15.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	09.07.2024
16.	Majlis Daerah Gerik	09.07.2024
17.	Majlis Daerah Batu Gajah	09.07.2024
18.	Majlis Bandaraya Ipoh	09.07.2024
19.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	09.07.2024
20.	Majlis Perbandaran Manjung	09.07.2024

Sumber: Rekod Dewan Undangan Negeri Perak Setakat 20 Ogos 2024

7.3. Perbadanan Taman Negeri Perak masih belum membentangkan penyata kewangan tahun 2021. Manakala Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Lembaga Muzium Negeri Perak masing-masing masih belum membentang penyata kewangan tahun 2018 hingga 2021 dan 2019 hingga 2021.

8. ANALISIS PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2022

Analisis prestasi kewangan merangkumi prestasi berkaitan pendapatan, lebihan/kurangan, aset dan liabiliti bagi agensi. Analisis prestasi kewangan agensi disediakan berdasarkan kepada 26 penyata kewangan agensi bagi tahun 2022 yang telah disijilkan iaitu 11 BBN dan 15 PBT.

8.1. Analisis Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri

8.1.1. Pada tahun berakhir 31 Disember 2022, lebihan pendapatan terkumpul meningkat sejumlah RM276.43 juta (9.7%). Jumlah aset juga meningkat sejumlah RM838.04 juta (15.2%). Aset bersih semasa meningkat sejumlah RM663.01 juta (16.3%) berbanding tahun 2021. Lebihan pendapatan semasa telah meningkat sejumlah RM7.64 juta (7.0%) kepada RM116.56 juta pada tahun 2022 berbanding lebihan RM108.92 juta pada tahun 2021. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
PRESTASI KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 BERBANDING 31 DISEMBER 2021

BIL.	PERKARA	TAHUN		PERUBAHAN	
		2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM Juta	%
1.	Lebihan Pendapatan Terkumpul	3,132.22	2,855.79	276.43	9.7
2.	Jumlah Aset	6,353.26	5,515.22	838.04	15.2
3.	Aset Bersih Semasa	4,725.03	4,062.02	663.01	16.3
4.	Lebihan Pendapatan Semasa	116.56	108.92	7.64	7.0

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2022 dan 2021

8.1.2. Analisis Lebihan dan Kurangan

8.1.2.1. Pada tahun berakhir 31 Disember 2022, lapan BBN mencatatkan lebihan semasa berjumlah RM117.64 juta manakala tiga BBN mencatatkan kurangan semasa berjumlah RM1.08 juta. Lembaga Air Perak memperoleh lebihan semasa tertinggi bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 yang berjumlah RM40.06 juta manakala Yayasan Perak merekodkan kurangan semasa tertinggi pada tahun berakhir 31 Disember 2022 iaitu berjumlah RM0.95 juta. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
PRESTASI KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022


BIL.	BADAN BERKANUN NEGERI	PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022			PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2022		
		PENDAPATAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	LEBIHAN/ (KURANGAN) (RM Juta)	ASET SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (RM Juta)	ASET/ (LIABILITI) SEMASA BERSIH (RM Juta)
1.	Lembaga Air Perak	400.63	360.57	40.06	1,084.41	283.77	800.64
2.	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak	258.10	223.02	35.08	232.32	267.11	(34.79)
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	74.08	48.78	25.30	211.21	412.37	(201.16)
4.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak	20.95	7.23	13.72	2.88	0.25	2.63
5.	Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Melayu Perak	2.01	0.81	1.20	65.45	0.14	65.31
6.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak	13.76	12.57	1.19	6.56	0.14	6.42
7.	Kumpulan Wang Biasiswa Bukan Melayu Perak	1.09	0.18	0.91	16.41	0.02	16.39
8.	Lembaga Muzium Negeri Perak	2.00	1.82	0.18	6.01	0.42	5.59
9.	Perbadanan Taman Negeri Perak	5.42	5.46	(0.04)	1.68	1.43	0.25
10.	Majlis Sukan Negeri Perak	1.12	1.21	(0.09)	1.88	0.08	1.80
11.	Yayasan Perak	23.93	24.88	(0.95)	54.53	20.27	34.26
JUMLAH		803.09	686.53	116.56	1,683.34	986.00	697.34

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2022

8.1.3. Analisis Aset dan Liabiliti

8.1.3.1. Pada tahun 2022, kedudukan aset bagi 11 BBN berjumlah RM6.353 bilion. Jumlah ini telah meningkat RM0.838 bilion (15.2%) berbanding kedudukan aset tahun 2021 yang berjumlah RM5.515 bilion. Kedudukan liabiliti pada tahun 2022 bagi 11 BBN berjumlah RM1.628 bilion meningkat RM0.175 bilion (12%) berbanding tahun 2021 berjumlah RM1.453 bilion. Butiran adalah seperti dalam **Carta 2**.

CARTA 2
KEDUDUKAN ASET DAN LIABILITI BADAN BERKANUN NEGERI
TAHUN 2022 BERBANDING TAHUN 2021



Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2022 dan 2021

8.1.3.2. Analisis Audit terhadap perbandingan antara aset dan liabiliti mendapati semua BBN mempunyai jumlah aset lebih tinggi berbanding jumlah liabiliti.

8.1.4. Analisis Pelaburan

Pada 31 Disember 2022, jumlah pelaburan bagi empat daripada 11 BBN adalah sejumlah RM994.26 juta. Pelaburan ini terdiri daripada pelaburan dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan lain-lain. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, jumlah pelaburan telah meningkat sejumlah RM60.45 juta (6.5%) berbanding RM933.81 juta pada 31 Disember 2021. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
KEDUDUKAN PELABURAN BADAN BERKANUN
NEGERI PADA 31 DISEMBER 2022 DAN 31 DISEMBER 2021

BIL.	BADAN BERKANUN NEGERI	SYARIKAT SUBSIDIARI (RM Juta)		SYARIKAT BERSEKUTU (RM Juta)		LAIN-LAIN (RM Juta)		JUMLAH (RM Juta)		PERUBAHAN	
		2022	2021	2022	2021	2022	2021	2022	2021	RM Juta	%
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	150.68	145.98	0.00	0.00	0.28	0.28	150.96	146.26	4.70	3.2
2.	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak	303.00	253.01	1.89	1.89	386.11	376.67	691.00	631.57	59.43	9.4
3.	Lembaga Air Perak	2.00	2.00	0.00	0.00	125.05	129.05	127.05	131.05	(4.00)	(3.1)
4.	Yayasan Perak	22.63	22.63	0.00	0.00	2.62	2.30	25.25	24.93	0.32	1.3
JUMLAH		478.31	423.62	1.89	1.89	514.06	508.30	994.26	933.81	60.45	6.5

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2022 dan 2021

8.2. Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

8.2.1. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2022, secara keseluruhannya sebanyak lima daripada 15 PBT mencatatkan lebihan manakala 10 PBT mencatatkan kurangan bagi tahun 2022. Analisis Audit mendapati Majlis Perbandaran Teluk Intan mencatatkan lebihan tertinggi iaitu sejumlah RM22.58 juta manakala Majlis Daerah Tanjong Malim mencatatkan kurangan tertinggi sejumlah RM5.98 juta bagi tahun berakhir tahun 2022. Punca kurangan adalah disebabkan peningkatan perbelanjaan emolumen dan perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan iaitu perbelanjaan bagi perhubungan dan utiliti. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
PRESTASI KEWANGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022			PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2022		
		PENDAPATAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	LEBIHAN/ (KURANGAN) (RM Juta)	ASET (RM Juta)	LIABILITI (RM Juta)	ASET BERSIH (RM Juta)
1.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	77.89	55.31	22.58	344.03	19.95	324.08
2.	Majlis Perbandaran Manjung	133.96	126.08	7.88	598.97	44.42	554.55
3.	Majlis Daerah Kerian	39.19	33.46	5.73	150.73	4.75	145.98
4.	Majlis Bandaraya Ipoh	392.65	387.66	4.99	3,215.11	290.77	2,924.34
5.	Majlis Daerah Selama	16.55	14.85	1.70	65.58	3.27	62.31
6.	Majlis Perbandaran Taiping	102.81	103.23	(0.42)	627.04	26.65	600.39
7.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	8.87	9.40	(0.53)	29.95	2.77	27.18
8.	Majlis Daerah Perak Tengah	32.94	33.89	(0.95)	429.25	8.01	421.24
9.	Majlis Daerah Gerik	12.37	13.68	(1.31)	109.51	2.66	106.85
10.	Majlis Daerah Lenggong	11.25	12.62	(1.37)	48.29	5.61	42.68
11.	Majlis Daerah Kampar	53.05	54.56	(1.51)	370.39	8.68	361.71
12.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	50.27	52.85	(2.58)	243.70	11.50	232.20
13.	Majlis Daerah Tapah	32.83	35.93	(3.10)	246.71	9.07	237.64
14.	Majlis Daerah Batu Gajah	52.58	57.58	(5.00)	280.23	6.02	274.21
15.	Majlis Daerah Tanjong Malim	33.62	39.60	(5.98)	296.12	12.31	283.81
JUMLAH		1,050.83	1,030.70	20.13	7,055.61	456.44	6,599.17

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2022

8.2.2. Pada tahun 2022, hanya satu PBT mencatatkan peningkatan lebihan sejumlah RM1.10 juta berbanding tahun 2021. Sebanyak empat PBT mencatatkan penurunan lebihan antara RM0.17 juta hingga RM5.39 juta.

8.2.3. Seterusnya, sebanyak tujuh daripada 15 PBT telah mencatatkan kurangan berbanding lebihan pada tahun 2021 antara RM0.65 juta hingga RM26.80 juta. Sebanyak dua PBT pula mencatatkan peningkatan kurangan sejumlah RM0.22 juta dan RM0.64 juta dan satu PBT mencatatkan penurunan kurangan sejumlah RM3.91 juta. Penurunan ini adalah disebabkan penurunan dalam hasil geran pembangunan dan peningkatan dalam perbelanjaan penyelenggaraan dan pembaikan kecil pada tahun 2022. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
KEDUDUKAN PERUBAHAN LEBIHAN/KURANGAN BAGI
PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN 2022 DAN 2021

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	2022	2021	PERUBAHAN	
		LEBIHAN/(KURANGAN) (RM Juta)		RM Juta	%
LEBIHAN					
1.	Majlis Daerah Selama	1.70	0.60	1.10	183.3
2.	Majlis Perbandaran Manjung	7.88	13.27	(5.39)	(40.6)
3.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	22.58	27.13	(4.55)	(16.8)
4.	Majlis Daerah Kerian	5.73	6.93	(1.20)	(17.3)
5.	Majlis Bandaraya Ipoh	4.99	5.16	(0.17)	(3.3)
JUMLAH (a)		42.88	53.09	(10.21)	(19.2)
KURANGAN					
6.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	(2.58)	24.22	(26.80)	(110.7)
7.	Majlis Daerah Batu Gajah	(5.00)	5.52	(10.52)	(190.6)
8.	Majlis Daerah Lenggong	(1.37)	3.54	(4.91)	(138.7)
9.	Majlis Perbandaran Taiping	(0.42)	3.35	(3.77)	(112.5)
10.	Majlis Daerah Perak Tengah	(0.95)	2.77	(3.72)	(134.3)
11.	Majlis Daerah Gerik	(1.31)	0.70	(2.01)	(287.1)
12.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	(0.53)	0.12	(0.65)	(541.7)
13.	Majlis Daerah Tanjong Malim	(5.98)	(5.34)	(0.64)	12.0
14.	Majlis Daerah Tapah	(3.10)	(2.88)	(0.22)	7.6
15.	Majlis Daerah Kampar	(1.51)	(5.42)	3.91	(72.1)
JUMLAH (b)		(22.75)	26.58	(49.33)	(185.6)
JUMLAH KESELURUHAN (a + b)		20.13	79.67	(59.54)	(74.7)

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2022 dan 2021

8.2.4. Aset Bersih

Pada 31 Disember 2022, aset bersih bagi 15 PBT adalah berjumlah RM6.599 bilion iaitu meningkat sejumlah RM13.46 juta (0.2%) berbanding pada 2021. Lima PBT mencatatkan peningkatan dalam aset bersih manakala 10 PBT pula mencatatkan pengurangan dalam aset bersih. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
ASET BERSIH PIHAK BERKUASA TEMPATAN
NEGERI PERAK PADA 31 DISEMBER 2022 DAN 2021

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	TAHUN 2022			TAHUN 2021			PERUBAHAN	
		ASET (RM Juta)	LIABILITI (RM Juta)	ASET BERSIH (RM Juta)	ASET (RM Juta)	LIABILITI (RM Juta)	ASET BERSIH (RM Juta)	RM Juta	%
1.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	344.03	19.95	324.08	315.62	14.02	301.60	22.48	7.5
2.	Majlis Daerah Kerian	150.73	4.75	145.98	140.72	3.98	136.74	9.24	6.8
3.	Majlis Bandaraya Ipoh	3,215.11	290.77	2,924.34	3,203.34	283.65	2,919.69	4.65	0.2
4.	Majlis Daerah Selama	65.58	3.27	62.31	62.61	2.01	60.60	1.71	2.8
5.	Majlis Perbandaran Taiping	627.04	26.65	600.39	625.52	25.53	599.99	0.40	0.1
6.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	29.95	2.77	27.18	30.12	2.40	27.72	(0.54)	(1.9)
7.	Majlis Daerah Perak Tengah	429.25	8.01	421.24	429.90	7.71	422.19	(0.95)	(0.2)
8.	Majlis Daerah Lenggong	48.29	5.61	42.68	47.35	3.29	44.06	(1.38)	(3.1)
9.	Majlis Daerah Kampar	370.39	8.68	361.71	373.29	9.98	363.31	(1.60)	(0.4)
10.	Majlis Daerah Gerik	109.51	2.66	106.85	111.33	2.66	108.67	(1.82)	(1.7)
11.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	243.70	11.50	232.20	248.01	13.23	234.78	(2.58)	(1.1)
12.	Majlis Perbandaran Manjung	598.97	44.42	554.55	595.49	37.89	557.60	(3.05)	(0.5)
13.	Majlis Daerah Tapah	246.71	9.07	237.64	248.10	7.37	240.73	(3.09)	(1.3)
14.	Majlis Daerah Batu Gajah	280.23	6.02	274.21	285.53	6.73	278.80	(4.59)	(1.6)
15.	Majlis Daerah Tanjong Malim	296.12	12.31	283.81	301.28	12.05	289.23	(5.42)	(1.9)
JUMLAH		7,055.61	456.44	6,599.17	7,018.21	432.50	6,585.71	13.46	0.2

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2022 dan 2021

8.2.5. Kutipan dan Tunggakan Cukai Taksiran

8.2.5.1. Cukai taksiran adalah cukai tahunan yang dikenakan terhadap harta pegangan di bawah kawalan pentadbiran PBT mengikut Akta 171. Cukai taksiran adalah penyumbang utama kepada pendapatan PBT. Cukai taksiran dikenakan

atas pegangan seperti rumah kediaman, harta perdagangan (kedai, kilang dan hotel), dan harta industri (kilang dan pelabuhan). Sehingga akhir tahun 2022, sejumlah RM293.53 juta cukai taksiran telah diiktiraf oleh 15 PBT. Kutipan cukai taksiran tersebut meningkat sejumlah RM4.69 juta (1.6%) berbanding kutipan cukai taksiran pada tahun 2021. Sebanyak 14 PBT mencatatkan peningkatan kutipan cukai taksiran antara RM0.04 juta hingga RM1.07 juta pada tahun 2022. Manakala satu PBT mencatatkan penurunan kutipan cukai taksiran sejumlah RM0.06 juta pada tahun 2022. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN PADA TAHUN 2022 BERBANDING TAHUN 2021

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM Juta	%
1.	Majlis Bandaraya Ipoh	144.66	143.59	1.07	0.7
2.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	11.62	10.78	0.84	7.8
3.	Majlis Perbandaran Manjung	42.29	41.69	0.60	1.4
4.	Majlis Perbandaran Taiping	22.67	22.28	0.39	1.8
5.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	12.71	12.44	0.27	2.2
6.	Majlis Daerah Selama	1.15	0.88	0.27	30.7
7.	Majlis Daerah Kampar	12.41	12.17	0.24	2.0
8.	Majlis Daerah Batu Gajah	11.91	11.68	0.23	2.0
9.	Majlis Daerah Kerian	8.78	8.59	0.19	2.2
10.	Majlis Daerah Tapah	6.13	5.94	0.19	3.2
11.	Majlis Daerah Perak Tengah	5.13	4.96	0.17	3.4
12.	Majlis Daerah Tanjong Malim	10.39	10.23	0.16	1.6
13.	Majlis Daerah Lenggong	0.40	0.31	0.09	29.0
14.	Majlis Daerah Gerik	2.13	2.09	0.04	1.9
15.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	1.15	1.21	(0.06)	(5.0)
JUMLAH		293.53	288.84	4.69	1.6

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2022 dan 2021

8.2.5.2. Pada tahun 2022, tunggakan cukai taksiran berjumlah RM140.55 juta bagi 15 PBT menurun sejumlah RM4.45 juta (3.1%) berbanding tahun 2021. Analisis Audit terhadap tunggakan cukai taksiran mendapati sembilan PBT telah mencatatkan peningkatan tunggakan cukai taksiran antara RM0.01 juta hingga RM1.31 juta. Manakala enam PBT mencatatkan pengurangan tunggakan antara RM0.05 juta hingga RM4.09 juta. Butiran seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
TUNGGAKAN HASIL CUKAI TAKSIRAN PIHAK
BERKUASA TEMPATAN NEGERI PERAK BAGI TAHUN 2022 DAN 2021

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	RM Juta	%
1.	Majlis Daerah Kerian	7.78	6.47	1.31	20.2
2.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	9.31	8.53	0.78	9.1
3.	Majlis Daerah Kampar	9.64	9.25	0.39	4.2
4.	Majlis Daerah Tanjong Malim	3.62	3.39	0.23	6.8
5.	Majlis Daerah Selama	0.60	0.45	0.15	33.3
6.	Majlis Daerah Lenggong	0.33	0.26	0.07	26.9
7.	Majlis Daerah Gerik	0.67	0.63	0.04	6.3
8.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	0.89	0.88	0.01	1.1
9.	Majlis Daerah Tapah	3.40	3.39	0.01	0.3
10.	Majlis Daerah Perak Tengah	4.91	4.96	(0.05)	(1.0)
11.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	4.90	4.98	(0.08)	(1.6)
12.	Majlis Daerah Batu Gajah	8.97	9.41	(0.44)	(4.7)
13.	Majlis Perbandaran Taiping	13.49	14.80	(1.31)	(8.9)
14.	Majlis Perbandaran Manjung	15.45	16.92	(1.47)	(8.7)
15.	Majlis Bandaraya Ipoh	56.59	60.68	(4.09)	(6.7)
JUMLAH		140.55	145.00	(4.45)	(3.1)

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2022 dan 2021

8.2.6. Tunggakan Berbanding Kutipan Cukai Taksiran Tahunan

Pada tahun 2022, jumlah kutipan cukai taksiran bagi 15 PBT adalah RM293.53 juta, manakala tunggakan cukai taksiran pula adalah berjumlah RM140.55 juta. Analisis Audit mendapati tunggakan cukai taksiran tahunan adalah sebanyak 47.9% daripada kutipan cukai. Sebanyak 10 PBT mempunyai tunggakan cukai taksiran tahunan melebihi 50% daripada kutipan cukai. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN
BERBANDING KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN BAGI TAHUN 2022

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN (RM Juta)	KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN (RM Juta)	TUNGGAKAN BERBANDING KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN (%)
1.	Majlis Daerah Perak Tengah	4.91	5.13	95.7
2.	Majlis Daerah Kerian	7.78	8.78	88.6
3.	Majlis Daerah Lenggong	0.33	0.40	82.5
4.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	9.31	11.62	80.1
5.	Majlis Daerah Kampar	9.64	12.41	77.7
6.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	0.89	1.15	77.4
7.	Majlis Daerah Batu Gajah	8.97	11.91	75.3
8.	Majlis Perbandaran Taiping	13.49	22.67	59.5

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN (RM Juta)	KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN (RM Juta)	TUNGGAKAN BERBANDING KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN (%)
9.	Majlis Daerah Tapah	3.40	6.13	55.5
10.	Majlis Daerah Selama	0.60	1.15	52.2
11.	Majlis Bandaraya Ipoh	56.59	144.66	39.1
12.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	4.90	12.71	38.6
13.	Majlis Perbandaran Manjung	15.45	42.29	36.5
14.	Majlis Daerah Tanjong Malim	3.62	10.39	34.8
15.	Majlis Daerah Gerik	0.67	2.13	31.5
JUMLAH		140.55	293.53	47.9

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2022

8.3. Rumusan

Secara keseluruhannya, sebanyak 21 penyata kewangan Agensi tahun 2022 telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran dan lima diberi Pendapat Berteguran. Prestasi kewangan Agensi tahun 2022 adalah seperti berikut:

8.3.1. lebih pendapatan semasa tahun 2022 bagi 11 BBN berjumlah RM116.56 juta meningkat sebanyak 7.0% berbanding tahun 2021;

8.3.2. kedudukan aset bagi 11 BBN berjumlah RM6.353 bilion meningkat sebanyak 15.2% berbanding tahun 2021;

8.3.3. lapan syarikat subsidiari bagi empat BBN mencatatkan keuntungan pada tahun 2022 berjumlah RM128.26 juta, manakala 13 syarikat pula mengalami kerugian berjumlah RM12.29 juta;

8.3.4. 10 daripada 15 PBT mencatatkan kurangan antara RM0.42 juta hingga RM5.98 juta manakala lima PBT mencatatkan lebih antara RM1.70 juta hingga RM22.58 juta; dan

8.3.5 kutipan cukai taksiran tahun 2022 meningkat sejumlah RM4.69 juta (1.6%) manakala tunggakan cukai taksiran bagi 15 PBT mencatat penurunan sejumlah RM4.45 juta (3.1%).

8.4. Syor Audit

Bagi menambah baik tatakelola pengurusan kewangan di agensi negeri, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:

8.4.1. agensi perlu memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan *auditable* serta mengikut tempoh yang ditetapkan; dan

8.4.2. agensi perlu memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa.

9. FOKUS UTAMA AUDIT (KEY AUDIT AREA)

9.1. Pelaporan Fokus Utama Audit mula diperkenalkan pada tahun 2023 bagi Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri tahun 2022. Pelaporan ini memberi penekanan terhadap perkara material dan signifikan yang memberi kesan kepada kedudukan kewangan agensi negeri. Fokus Utama Audit ini adalah sejajar dengan pemantapan tatakelola dalam sistem pengurusan pentadbiran agensi negeri termasuk menangani isu ketirisan, pemborosan dan pembaziran. Antara kriteria penetapan Fokus Utama Audit adalah merujuk kepada standard pengauditan ISSAI seperti berikut:

9.1.1. perkara yang dijangka berisiko untuk berlaku salah nyata atau mempunyai risiko yang signifikan;

9.1.2. perkara yang melibatkan pertimbangan signifikan pihak pengurusan seperti anggaran perakaunan yang terdedah kepada ketidakpastian yang tinggi; dan

9.1.3. kesan perkara atau transaksi signifikan yang berlaku dalam tempoh pengauditan.

9.2. Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari

9.2.1. Pelaburan dalam syarikat subsidiari merupakan aktiviti penjanaan pendapatan yang dibenarkan kepada agensi untuk memperoleh keuntungan. Syarikat subsidiari diwujudkan bagi tujuan melaksanakan sebahagian fungsi agensi BBN di samping menjana pendapatan daripada perniagaan yang ditawarkan. Agensi BBN selaku agensi induk akan memperoleh pulangan dalam bentuk dividen daripada pelaburan yang dibuat.

9.2.2. Pada tahun 2022, sebanyak empat BBN mempunyai 21 syarikat subsidiari dengan pelaburan berjumlah RM478.31 juta. Sebanyak 19 syarikat subsidiari berstatus aktif manakala dua berstatus dormant. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
KEDUDUKAN PELABURAN BADAN BERKANUN NEGERI PADA 31 DISEMBER 2022

BIL.	BADAN BERKANUN NEGERI	JUMLAH PELABURAN (RM Juta)	BILANGAN SYARIKAT SUBSIDIARI	STATUS SYARIKAT SUBSIDIARI	
				AKTIF	DORMAN
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	150.68	16	15	1
2.	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak	303.00	1	1	-
3.	Lembaga Air Perak	2.00	1	1	-
4.	Yayasan Perak	22.63	3	2	1
JUMLAH		478.31	21	19	2

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2022

9.2.3. Analisis Audit mendapati lapan (38.1%) daripada 21 syarikat subsidiari bagi empat BBN telah mencatatkan keuntungan tahun semasa berjumlah RM128.26 juta manakala sebanyak 13 (61.9%) telah mengalami kerugian berjumlah RM12.29 juta. Sebanyak dua daripadanya lapan syarikat subsidiari untung telah memberi pulangan dividen berjumlah RM25.50 juta. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
BADAN BERKANUN NEGERI MEMPUNYAI SYARIKAT SUBSIDIARI YANG MENCATATKAN KEUNTUNGAN DAN KERUGIAN TAHUN 2022

BIL.	BADAN BERKANUN NEGERI	SUBSIDIARI UNTUNG (Bil.)	JUMLAH KEUNTUNGAN (RM Juta)	SUBSIDIARI RUGI (Bil.)	JUMLAH KERUGIAN (RM Juta)	DIVIDEN DIBAYAR (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	5	30.04	11	11.00	-
2.	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak	1	91.77	-	-	25.30
3.	Lembaga Air Perak	1	0.56	-	-	0.20
4.	Yayasan Perak	1	5.89	2	1.29	-
JUMLAH		8	128.26	13	12.29	25.50

Sumber: Penyata Kewangan BBN Tahun 2022

9.3. Prestasi Kewangan Syarikat Subsidiari

9.3.1. Pada tahun 2022, sebanyak empat BBN mempunyai pelaburan dalam 21 syarikat subsidiari dengan pelaburan berjumlah RM478.31 juta selepas peruntukan rosot nilai sejumlah RM208.69 juta. Rosot nilai tersebut adalah bagi 13 syarikat subsidiari bagi satu BBN iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk). Peruntukan rosot nilai dibuat disebabkan kos pelaburan adalah lebih tinggi berbanding nilai pasaran saham dan nilai aset ketara bersih. Kos sebenar pelaburan bagi 21 syarikat subsidiari tersebut adalah sejumlah RM687 juta. Sebanyak 19 syarikat subsidiari berstatus aktif manakala dua syarikat dormant. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN NEGERI TAHUN 2022

BIL	SYARIKAT SUBSIDIARI	AKTIF/ DORMAN	PEGANGAN EFEKTIF (%)	JUMLAH PELABURAN (RM)	ROSOT NILAI (RM)	PELABURAN BERSIH (RM)
Perbadanan Kemajuan Negeri Perak						
1.	Perak E-Organization Sdn. Bhd.	Aktif	100	26,534,002	26,534,002	-
2.	Perak Industrial Resources Sdn. Bhd.	Aktif	100	5,000,000	2	4,999,998
3.	Perak Teamwork Sdn. Bhd.	Aktif	100	2,350,000	-	2,350,000
4.	Perak Equity Sdn.Bhd.	Aktif	100	1,500,002	1,500,002	-
5.	Perak Halal Corporation Sdn. Bhd.	Aktif	100	1,000,002	1,000,002	-
6.	Destination Perak Sdn. Bhd.	Aktif	100	502,002	502,002	-
7.	Brand Equity Sdn.Bhd.	Aktif	100	300,002	300,002	-
8.	Microlab Technology Sdn. Bhd.	Aktif	100	250,000	-	250,000
9.	Argentum Sdn. Bhd.	Aktif	100	200,000	200,000	-
10.	Perak Hi-Tech Park Sdn. Bhd.	Aktif	100	160,002	160,002	-
11.	PerakBio Corporation Sdn. Bhd.	Aktif	100	50,002	50,002	-
12.	Medfest Sdn. Bhd.	Aktif	100	1	1	-
13.	Perak 4.0 Industry Sdn. Bhd.	Aktif	100	3,000	3,000	-
14.	Perak Corporation Berhad	Aktif	52.90	224,963,123	178,436,974	46,526,149
15.	Majuperak Holdings Berhad	Aktif	51.41	96,551,130	-	96,551,130
16.	Niche Phoenix Sdn. Bhd.	Dorman	100	2	2	-
JUMLAH (a)				359,363,270	208,685,993	150,677,277
Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak						
17.	Perak Agro Corporation Sdn. Bhd.	Aktif	100	303,006,823	-	303,006,823
JUMLAH (b)				303,006,823	-	303,006,823
Lembaga Air Perak						
18.	Millenia Aqua Services Sdn. Bhd.	Aktif	100	2,000,000	-	2,000,000
JUMLAH (c)				2,000,000	-	2,000,000
Yayasan Perak						
19.	AML Enterprise Sdn. Bhd.	Aktif	100	12,627,981	-	12,627,981
20.	YP Nominees Holdings Sdn. Bhd.	Aktif	100	10,000,000	-	10,000,000
21.	Petro Lestari Sdn. Bhd.	Dorman	100	2	-	2
JUMLAH (d)				22,627,983	-	22,627,983
JUMLAH KESELURUHAN (a + b + c + d)				686,998,076	208,685,893	478,312,083

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari Tahun 2022

9.3.2. Sebanyak lapan daripada 19 syarikat subsidiari yang aktif pada tahun 2022 telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai sejumlah RM128.26 juta manakala 11 syarikat subsidiari mengalami kerugian sejumlah RM12.28 juta. Namun, hanya dua daripada lapan syarikat subsidiari yang mencatatkan keuntungan telah membayar

dividen berjumlah RM25.50 juta kepada dua BBN iaitu Lembaga Air Perak (LAP) dan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNPk). Butiran adalah seperti dalam **Jadual 22**.

JADUAL 22
SYARIKAT SUBSIDIARI YANG MEMBAYAR DIVIDEN TAHUN 2022

BIL.	BILANGAN SYARIKAT SUBSIDIARI	KEUNTUNGAN / (KERUGIAN) SEBELUM CUKAI (RM Juta)	BILANGAN SYARIKAT SUBSIDIARI	DIVIDEN DIBAYAR (RM Juta)
1.	8	128.26	2	25.50
2.	11	(12.28)	-	-
JUMLAH	19	115.98	2	25.50

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari Tahun 2022

9.3.3. Sebanyak 10 syarikat subsidiari daripada empat BBN mempunyai pelaburan tertinggi berjumlah RM684.53 juta. Empat daripada 10 syarikat subsidiari telah dibuat peruntukan rosot nilai sejumlah RM206.47 juta disebabkan kos pelaburan adalah lebih tinggi berbanding nilai pasaran saham dan nilai aset ketara bersih. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
AGENSI NEGERI YANG MEMPUYAI PELABURAN TERTINGGI DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI TAHUN 2022

BIL.	AGENSI	SYARIKAT SUBSIDIARI	JUMLAH PELABURAN (RM)	ROSOT NILAI (RM)	PELABURAN BERSIH (RM)
1.	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak	Perak Agro Corporation Sdn. Bhd.	303,006,823	-	303,006,823
2.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	Perak Corporation Berhad	224,963,123	178,436,974	46,526,149
3.		Majuperak Holdings Berhad	96,551,130	-	96,551,130
4.		Perak E-Organization Sdn. Bhd.	26,534,002	26,534,002	-
5.		AML Enterprise Sdn. Bhd.	12,627,981	-	12,627,981
6.	Yayasan Perak	YP Nominees Holdings Sdn. Bhd.	10,000,000	-	10,000,000
7.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	Perak Industrial Resources Sdn. Bhd.	5,000,000	2	4,999,998
8.		Perak Teamwork Sdn. Bhd.	2,350,000	-	2,350,000
9.	Lembaga Air Perak	Millenia Aqua Services Sdn. Bhd.	2,000,000	-	2,000,000
10.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	Perak Equity Sdn. Bhd.	1,500,002	1,500,002	-
JUMLAH			684,533,061	206,470,980	478,062,081

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari Tahun 2022

9.3.4. Daripada 10 syarikat subsidiari yang mempunyai pelaburan tertinggi, enam syarikat mencatatkan keuntungan sejumlah RM128.11 juta dan empat syarikat lagi mengalami kerugian sejumlah RM10.92 juta. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 24**.

JADUAL 24
AGENSI NEGERI MEMPUNYAI SYARIKAT SUBSIDIARI YANG MEREKODKAN
KEUNTUNGAN DAN KERUGIAN TAHUN 2022

BIL.	AGENSI	SUBSIDIARI UNTUNG (Bil.)	JUMLAH KEUNTUNGAN (RM)	SUBSIDIARI RUGI (Bil.)	JUMLAH KERUGIAN (RM)
1.	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak	1	91,769,197	-	-
2.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	3	29,886,645	3	(9,638,260)
3.	Yayasan Perak	1	5,894,082	1	(1,277,043)
4.	Lembaga Air Perak	1	561,828	-	-
JUMLAH		6	128,111,752	4	10,915,303

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari Tahun 2022

9.3.5. Selanjutnya, hanya enam daripada 21 syarikat membayar Elaun Lembaga Pengarah sejumlah RM2.43 juta melibatkan empat syarikat merekodkan keuntungan sejumlah RM127.97 juta dan dua syarikat lagi merekodkan kerugian sejumlah RM9.78 juta. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 25**.

JADUAL 25
PEMBAYARAN ELAUN LEMBAGA PENGARAH
OLEH SYARIKAT SUBSIDIARI TAHUN 2022

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI	KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM CUKAI TAHUN 2022 (RM Juta)	ELAUN LEMBAGA PENGARAH (RM Juta)
Perbadanan Kemajuan Negeri Perak			
1.	Perak Corporation Berhad	29.75	1.28
2.	Majuperak Holdings Berhad	(8.50)	0.75
JUMLAH (a)			2.03
Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak			
3.	Perak Agro Corporation Sdn. Bhd.	91.77	0.11
JUMLAH (b)			0.11
Lembaga Air Perak			
4.	Millenia Aqua Services Sdn. Bhd.	0.56	0.22
JUMLAH (c)			0.22
Yayasan Perak			
5.	AML Enterprise Sdn. Bhd.	(1.28)	0.01
6.	YP Nominees Holdings Sdn. Bhd.	5.89	0.06
JUMLAH (d)			0.07
JUMLAH KESELURUHAN (a + b + c + d)			2.43

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari Tahun 2022

9.3.6. Pada 31 Disember 2022, sebanyak tujuh daripada 21 syarikat subsidiari telah mengalami kerugian selama tiga tahun berturut-turut sejak tahun 2020 hingga 2022 sejumlah RM35.39 juta. Analisis Audit mendapati kerugian tujuh syarikat tersebut disebabkan tidak langsung menjana pendapatan namun mempunyai perbelanjaan operasi seperti belanja pentadbiran dan kewangan serta peruntukan rosot nilai hutang antara syarikat berkaitan. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 26**.

JADUAL 26
ANALISIS KERUGIAN SYARIKAT SUBSIDIARI DARI TAHUN 2020 HINGGA 2022

ANALISIS KERUGIAN SYARIKAT SUBSIDIARI DARI TAHUN 2020 HINGGA 2022						
BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI	AKTIVITI UTAMA	KERUGIAN SEBELUM CUKAI			JUMLAH (RM)
			2022 (RM)	2021 (RM)	2020 (RM)	
Perbadanan Kemajuan Negeri Perak						
1.	Perak Hi-Tech Park Sdn. Bhd.	Hartanah taman teknologi tinggi	4,502	3,926	13,891	22,319
2.	Perak 4.0 Industry Sdn. Bhd.	Pembuatan produk makanan lain N.E.C dan khidmat nasihat pelaburan berserta eksport dan import pelbagai barang tanpa pengkhususan tertentu N.E.C	6,951	112,741	271,975	391,667
3.	Brand Equity Sdn. Bhd.	Perniagaan makanan dan minuman berserta aktiviti tarikan	59,807	955,927	10,365,079	11,380,813
4.	Perak Halal Corporation Sdn. Bhd.	Perunding pengurusan	420,917	823,534	1,227,367	2,471,818
5.	Majuperak Holdings Berhad	Pegangan pelaburan dan perkhidmatan pengurusan	8,496,264	5,551,175	3,674,447	17,721,886
JUMLAH (a)			8,988,441	7,447,303	15,552,759	31,988,503
Yayasan Perak						
6.	AML Enterprise Sdn. Bhd.	Memiliki tanah ladang	1,277,043	1,050,443	1,043,797	3,371,283
7.	Petro Lestari Sdn. Bhd.	Tidak Aktif	8,787	6,462	11,362	26,611
JUMLAH (b)			1,285,830	1,056,905	1,055,159	3,397,894
JUMLAH KESELURUHAN (a + b)			10,274,271	8,504,208	16,607,918	35,386,397

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari Tahun 2022, 2021 dan 2020

9.3.7. Kedudukan Jumlah Aset dan Liabiliti Syarikat Subsidiari

9.3.7.1. Analisis terhadap jumlah aset dan liabiliti syarikat subsidiari telah dijalankan untuk mengukur keupayaan syarikat subsidiari menjelaskan liabiliti mengikut tempoh yang ditetapkan. Pada tahun 2022, sebanyak tujuh daripada 21 syarikat subsidiari mencatatkan jumlah aset melebihi liabiliti antara RM0.20 juta hingga RM422.83 juta. Sebanyak 14 daripada 21 syarikat subsidiari mencatatkan kedudukan jumlah liabiliti melebihi aset antara RM7,748 hingga RM83.94 juta. Kedudukan jumlah liabiliti yang melebihi aset menunjukkan ketidakupayaan syarikat untuk menjelaskan liabiliti syarikat dengan kedudukan kewangan yang sedia ada. Antara faktor utama yang menyumbang kepada jumlah liabiliti melebihi jumlah aset pada tahun 2022 adalah pelbagai pemiutang dan hutang kepada syarikat induk dan syarikat berkaitan. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 27**.

JADUAL 27
KEDUDUKAN JUMLAH ASET DAN LIABILITI
SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN NEGERI TAHUN 2022

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI	JUMLAH ASET (a)	JUMLAH LIABILITI (b)	ASET/(LIABILITI) KETARA BERSIH c = (a-b)
		(RM)	(RM)	(RM)
Perbadanan Kemajuan Negeri Perak				
1.	Majuprak Holdings Berhad	237,493,716	76,182,670	161,311,046
2.	Perak Teamwork Sdn. Bhd.	4,019,685	2,069,400	1,950,285
3.	Microlab Technology Sdn. Bhd.	1,326,003	1,130,464	195,539
4.	Medfest Sdn. Bhd.	1	7,749	(7,748)
5.	Niche Phoenix Sdn. Bhd.	1,785	41,220	(39,435)
6.	Perak 4.0 Industry Sdn. Bhd.	4,492	600,589	(596,097)
7.	Perak Hi-Tech Park Sdn. Bhd.	1,814	1,764,543	(1,762,729)
8.	PerakBio Corporation Sdn. Bhd.	2,911	2,948,913	(2,946,002)
9.	Brand Equity Sdn. Bhd.	412,041	10,434,510	(10,022,469)
10.	Destination Perak Sdn. Bhd.	41,200	13,073,246	(13,032,046)
11.	Perak Halal Corporation Sdn. Bhd.	95,967	13,677,192	(13,581,225)
12.	Perak E-Organization Sdn. Bhd.	5,019,264	19,024,579	(14,005,315)
13.	Perak Industrial Resources Sdn. Bhd.	25,543,370	39,680,095	(14,136,725)
14.	Argentum Sdn. Bhd.	5,572,787	66,982,692	(61,409,905)
15.	Perak Corporation Berhad	180,947,000	244,096,000	(63,149,000)
16.	Perak Equity Sdn. Bhd.	15,431,710	99,367,331	(83,935,621)
JUMLAH (a)		475,913,746	591,081,193	(115,167,447)
Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak				
17.	Perak Agro Corporation Sdn. Bhd.	422,840,726	8,629	422,832,097
JUMLAH (b)		422,840,726	8,629	422,832,097
Lembaga Air Perak				
18.	Millenia Aqua Services Sdn. Bhd.	18,626,898	3,351,665	15,275,233
JUMLAH (c)		18,626,898	3,351,665	15,275,233
Yayasan Perak				
19.	AML Enterprise Sdn. Bhd.	51,886,098	3,491,865	48,394,233
20.	YP Nominees Holdings Sdn. Bhd.	75,580,573	18,955,108	56,625,465
21.	Petro Lestari Sdn. Bhd.	3,070	118,982	(115,912)
JUMLAH (d)		127,469,741	22,565,955	104,903,786
JUMLAH KESELURUHAN (a + b + c +d)		1,044,851,111	617,007,442	427,843,669

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari Tahun 2022

9.4. Rumusan

Secara keseluruhannya, hanya dua daripada empat BBN yang mempunyai syarikat subsidiari mempunyai keuntungan dan membayar dividen iaitu LAP dan PPPNPK. Bagi PKNPK yang mempunyai 16 syarikat subsidiari, didapati 11 (68.8%) syarikat

mengalami kerugian. Oleh itu, pelaburan syarikat subsidiari oleh PKNPk tidak memberikan pulangan yang memuaskan. Seterusnya bagi YP pula, dua (66.7%) daripada tiga syarikat mengalami kerugian. Kerugian bagi kedua-dua syarikat subsidiari YP adalah disebabkan oleh perbelanjaan susut nilai dan perbelanjaan operasi minimum seperti yuran audit setiausaha syarikat dan agen cukai.

9.5. Syor Audit

Bagi memastikan aktiviti pelaburan dalam syarikat subsidiari memberikan pulangan yang menguntungkan kepada agensi, agensi hendaklah mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut:

- 9.5.1. memantau prestasi pelaburan di dalam syarikat subsidiari secara berkala; dan
- 9.5.2. menilai strategi dan kedudukan semasa pelaburan dalam syarikat subsidiari.